

aab

Mahathir - Kelapa

PM GFSA PELBAGAIKAN INDUSTRI KELAPA

LANGKAWI, 28 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa pihak berkenaan meningkatkan usaha mempelbagaikan penggunaan bahan-bahan berasaskan industri kelapa bagi memajukan lagi sektor berkenaan.

Perdana Menteri berkata industri berasaskan kelapa bukan hanya melibatkan kelapa muda sahaja tetapi dapat dipertingkatkan secara lebih meluas lagi agar lebih berdaya maju.

"Tumpuan perlu dialihkan bukan hanya pada kelapa muda atau minyak kelapa tetapi lebih meluas lagi seperti penggunaan sabut kelapa," katanya ketika berucap merasmikan Pesta Kelapa Antarabangsa dan Pesta Sukan Air Peladang, Penternak dan Nelayan '94 di Kuah, di sini hari ini.

Beliau juga berharap Kementerian Pertanian dapat menjalankan kajian untuk menanam pokok kelapa untuk tujuan mendapatkan umbutnya sahaja yang menjadi salah satu makanan salad yang diminati oleh orang Eropah.

Katanya, umbut kelapa boleh menjadi satu bidang berpotensi untuk dipasarkan secara meluas jika kajian berjaya menghasilkan pokok kelapa yang khusus ditanam dalam tempoh antara dua dan tiga tahun sahaja untuk mendapatkan umbutnya. -- lagi

▼28/05/14-53MST

CNS8203

U GB 28-05 00126 BA948

aab

Mahathir - Kelapa 2 Langkawi

Dr Mahathir berkata umbut berkenaan kemudian boleh diproses secara santifik untuk ditinkan bagi memudahkan pasaran dan ketahanannya.

Mengenai kelapa muda, beliau berkata promosi mengenainya telah berjaya menarik minat pengguna sehingga bekalan tidak mencukupi tetapi usaha perlu dilakukan untuk memperbaiki mutunya.

Sebagai contoh, kata beliau, kelapa muda perlu diberi gubahan lebih baik dengan membuang kulitnya agar ia lebih ringan dipegang dan kelihatan lebih menarik untuk dijual.

Langkah ini akan menarik lebih banyak pengguna dan ia pastinya dapat meningkatkan pendapatan pengusaha, kata beliau.

Mengenai pesta itu, Dr Mahathir berharap ia diadakan lebih kerap dalam tempoh satu atau dua tahun sekali kerana ia didapati sesuai untuk menarik minat pelancong mengunjungi Langkawi. -- lagi

▼28/05/14-57MST

CNS8206

U GB 28-05 00145 BA949

aab

Mahathir - Kelapa 3 (akhir) Langkawi

Sebelum itu, Menteri Pertanian Datuk Seri Sanusi Junid berkata pesta berkenaan membuktikan bahawa bidang pertanian dapat memberi sumbangan positif ke arah meningkatkan sektor pelancongan negara.

Beliau berkata sebanyak sembilan negara termasuk Maldives, Papua New Guinea, Bangladesh, Sri Lanka, Fiji dan Malaysia menyertai pesta berkenaan yang pertama kali diadakan pada 1987.

Hasil pesta dan promosi minuman air kelapa muda juga telah meningkatkan permintaannya sehingga kini kelapa muda tidak mencukupi di pasaran dan kementerian sedang menggalakkan pekebun menanam semula kelapa bagi memenuhinya.

Sementara itu, Dr Mahathir kemudian merasmikan pelancaran tiga buah feri Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) di jeti Kuah di sini.

Feri LADA I, LADA II dan LADA III yang masing-masing berharga kira-kira RM8 juta akan beroperasi antara Langkawi dengan Kuala Kedah dan Kuala Perlis. -- Bernama